

PROGRAM PEMBANGUNAN SEMULA MASYARAKAT  
ORANG ASLI KAMPUNG REDANG PUNGGOR  
MUKIM LABU KUBUNG, TELUK INTAN,  
PERAK DARUL RIDZUAN

AHMAD NAIM BIN HAJI SAFIAN

KERTAS PROJEK INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI  
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI  
DIPLOMA PENTADBIRAN AWAM

FAKULTI PENTADBIRAN DAN UNDANG-UNDANG  
INSTITUT TEKNOLOGI MARA  
CAWANGAN PERAK

1998

## PENGHARGAAN

Disini saya ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih saya kepada pihak-pihak yang telah memberi sumbang bakti mereka sehingga kajian ini dapat dihasilkan dengan jayanya. Seterusnya, tidak lupa juga saya mengucapkan terima kasih saya kepada Masyarakat Orang Asli Semai, Kampung Redang Punggor, terutama Penghulu Ramli A/L Ahad turut terbabit dan memberi kerjasama dengan penuh minat dan mesra.

Tidak lupa juga ucapan setinggi terima kasih saya kepada Tuan Pengarah JHEOA Negeri Perak / Kedah yang telah memberi kesempatan dan kepercayaan kepada saya untuk menyediakan kertas berkenaan dengan pembangunan masyarakat Orang Asli Redang Punggor, Hilir Perak, Perak. Tanpa jasa baik beliau sudah pasti kajian ini tidak dapat dilaksanakan dengan sempurnanya. Saya juga ingin merakam ucapan terima kasih saya kepada En. Mohd. Yusof bin Ismail, Pegawai JHEOA, Sri Iskandar, Perak yang telah banyak membantu saya dengan memberi beberapa maklumat / data yang boleh dijadikan bahan untuk menyediakan kertas projek ini.

Untuk pensyarah saya, En Mohd.Fauzi bin Mohd Harun ingin juga saya menyatakan ucapan terima kasih diatas galakan dan semangat serta tunjuk ajar dan bimbangan yang diberikan untuk saya membuat kajian ini. Begitu juga kepada rakan-

## SINOPSIS

Kajian Pembangunan Masyarakat Orang Asli ini dilakukan adalah di atas inisiatif sendiri yang bertujuan untuk mengimbas kembali gambaran tentang sejarah budaya masyarakat orang asli Semai pada masa lampau hingga kini. Masyarakat ini telah merubah identiti dan kehidupan tradisi mereka setelah diberi pendedahan serta dipengaruhi oleh kehidupan masyarakat luar yang berlainan budaya dan adat resam. Tumpuan kajian ini dibuat khusus dikampung orang asli Redang Punggor iaitu sebuah kawasan penempatan baru masyarakat orang asli Semai yang dibawah tanggungjawab Jabatan Hal Ehwal Orang Asli.

Masyarakat Semai adalah kumpulan masyarakat orang asli dari golongan 'Senoi' yang bertutur dalam bahasa Auto-Asiatic. Mereka mengelarkan diri mereka sebagai 'Senoi Serok' yang bermakna 'Senoi' – orang, manakala 'Serok' – bermaksud dalaman (Iskandar Carey 1975) Tetapi gelaran itu tidak begitu dikenali ramai dan jarang digunakan oleh para pengkaji yang mengkaji masyarakat ini. Tambahan pula masyarakat ini lebih senang dikenali sebagai masyarakat Semai kerana telah dikenali ramai dan diterima oleh masyarakat semua, sungguhpun maksud Semai ini tidak diketahui maknanya oleh mereka.

## KANDUNGAN

	HALAMAN
HALAMAN JUDUL	I
PENGAKUAN	II
PENGHARGAAN	III
SINOPSIS	V
KANDUNGAN	VIII
SENARAI JUDUAL	XIII
SENARAI RAJAH	XV
SENARAI SINGKATAN	XVI
BAB PENDAHULUAN	
I	
1.1 Pengenalan dan Penyataan Masalah	1
1.2 Objektif Kajian	4
1.3 Metodologi	5
1.4 Hipotesis	6
1.5 Kajian Yang Lepas	7
1.6 Skop Penyelidikan	13
1.7 Kepentingan Kajian	13
1.8 Organisasi Kajian	14

## PENDAHULUAN

### 1.1 Pengenalan dan Penyataan masalah

Pada hari ini komuniti orang asli yang berjumlah melebihi 92500 orang tidaklah boleh kita anggap sebagai terasing lagi, kerana telah banyak usaha dilakukan oleh kerajaan untuk mengintegrasikan mereka kedalam sistem kebangsaan .Beberapa program pembangunan untuk mereka telah dirancangankan dan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) yang telah ditubuhkan pada 1953, telah diberi tanggung jawab untuk melaksanakan program pembangunan tersebut disamping berusaha mengintegrasikan mereka kedalam sistem kebangsaan yang lebih luas.

Bab ini membicarakan salah satu daripada projek tersebut yang bertujuan untuk membangunkan orang asli disamping menginteraksikan mereka kedalam sistem kebangsaan. Projek yang dimaksudkan ini dikenali sebagai Rancangan Pengelompokan Semula Orang Asli Redang Punggor. Projek ini merupakan satu daripada program program pembangunan yang dicadangkan dalam Rancangan Malaysia Keempat, kawasan yang dimaksudkan ini terletak dibahagian selatan Teluk Intan, timur Kampung Gajah, barat Tapah, utara Kampar dan dipilih, kerana disini terdapat bilangan orang asli yang ramai. Sejumlah lebih kurang 1023 orang asli (193 keluarga) yang terdiri daripada satu